



BORANG PENCALONAN KATEGORI PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA (PCUB)

***SILA BACA DENGAN TELITI DAN MENGIKUT ARAHAN YANG DIBERIKAN.**

***JIKA TIDAK LENGKAP PERMOHONAN AKAN DITOLAK.**

KETERANGAN KATEGORI ANUGERAH PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA

Anugerah ini merupakan pengiktirafan bagi projek-projek belia dalam pelbagai bidang yang berjaya menjadi inspirasi dan model kepada pembangunan masyarakat secara am dan khususnya kepada para belia. Projek-projek berinovasi yang membangunkan dan memajukan agensi, organisasi atau persatuan atau pergerakan belia dan satu kelebihan jika projek tersebut membuka peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat khususnya golongan belia dan menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

SYARAT-SYARAT LAYAK PENCALONAN:

- 1. Projek yang dicalonkan hendaklah yang telah dilaksanakan oleh organisasi atau pergerakan atau agensi Belia yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
- 2. Projek yang dicalonkan hendaklah projek yang mempunyai impak yang ketara.**
- 3. Pencalonan Projek hendaklah ada Surat Sokongan Pengesahan daripada mana-mana pihak atau individu yang dapat memberikan pengesahan mengenai apa-apa yang berkaitan dengan perlaksanaan projek dicalonkan.**
- 4. Umur Penyelaras Projek adalah mengikut takrif belia antara 15 hingga 35 tahun sepetimana yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 - 2035 (Tidak lebih daripada 35 tahun pada 01 Ogos 2021).**
- 5. Borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak pengajur boleh di dapat melalui portal YSNet (ysnet.gov.bn) dan tatacara memohon juga boleh diperolehi melalui laman sesawang Hari Belia Kebangsaan (www.hbk.gov.bn) dengan klik pada pautan (*link*) diberikan.**
- 6. Setiap calon dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dengan lengkap dan menyertakan dokumen yang dikehendaki. Borang pencalonan yang tidak lengkap dan tidak mengikuti syarat-syarat akan ditolak.**
- 7. Pencalonan akan dibuka bermula pada hari Isnin, 03 Mei 2021 dan tarikh tutup pencalonan pada hari Selasa, 1 Jun 2021 jam 4.00 petang.**

- 8. Pihak Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Belia Kebangsaan berhak menolak sebarang pencalonan tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan.**

ARAHAN AM / MAKLUMAN:

- 1. Untuk masuk ke portal YSNet, hendaklah menggunakan akaun *e-Darussalam*.**
- 2. Calon atau yang mencalonkan (bagi yang belum mendaftar atau akaun tidak aktif atau lupa kata laluan akaun *e-darussalam*), hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu dan membuat pengaktifan melalui aplikasi *whatapps e-darussalam* ke talian +673 8333123.**
- 3. Calon atau yang mencalonkan dinasihatkan untuk menyediakan terlebih dahulu dokumen-dokumen yang berkenaan untuk dihadapkan melalui Portal dalam bentuk *softcopy* berbentuk format PDF.**
- 4. Tatacara mendaftar untuk menyertai pencalonan kategori-kategori Anugerah melalui **portal YSNet** adalah dengan memilih dan klik pada **Program – Memohon Program**, kemudian pilih nama anugerah yang hendak dipohon dan klik '**Daftar**'.**
- 5. Selepas melakukan proses 1. hingga 4. , calon atau yang mencalonkan dikehendaki memuat naik dokumen-dokumen berkaitan/ lengkap yang telah disediakan dan klik '**Daftar Sekarang**'.**
- 6. Dokumen-dokumen yang perlu di muatnaik adalah seperti berikut:-**
 - i. Salinan Kad Pengenalan Pintar Penyelaras Projek (depan dan belakang);
 - ii. Gambar calon (Penyelaras Projek) yang terkini untuk kegunaan media (Sila gunakan resolusi berkualiti tinggi).
 - iii. Laporan lengkap dan gambar-gambar pengendalian aktiviti-aktiviti dalam Projek dicalonkan (akan digunakan sebagai sokongan semasa penilaian)
 - iv. Salinan sijil kerakyatan (jika ada).
 - v. Dokumen lima (5) pencapaian tertinggi dicapai melalui Projek yang dicalonkan seperti salinan sijil-sijil dll (jika ada).
 - vi. Dokumen-dokumen lain berkaitan dengan Projek dicalonkan (jika ada).
- 7. Sila gunakan **Subjek E-mel** seperti berikut (semasa menghantar dokumen-dokumen berkenaan): **Kod Kategori Anugerah Diikuti [no. Kad Pengenalan Pintar Calon]** Contoh: PCUB [00-000000] / PMB [00-000000] / BC [00-000000] / BB [00000000].**
- 8. Penyelaras Projek (Calon) dikehendaki menyediakan pembentangan mengenai pencapaian/ *successful story* mengenai projek dicalonkan. (*Menggunakan MS Powerpoint atau Video atau yang sebanding denganannya*).**

KRITERIA PENILAIAN:

- 1. Projek dicalonkan mempunyai impak yang besar kepada pembangunan belia seperti berpotensi dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan kapasiti anak-anak tempatan di Negara ini.**
- 2. Projek yang dicalonkan menggunakan strategi dan kaedah yang kreatif bagi mendapatkan sumber pembiayaan.**
- 3. Berkeupayaan dalam menyumbang pencapaian matlamat-matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035.**
- 4. Mempunyai faedah yang jelas mahupun secara langsung atau tidak langsung dari sudut objektif projek, faedah jangkamasa sederhana dan faedah jangkamasa panjang projek yang dicalonkan.**
- 5. Projek yang dicalonkan mempunyai perancangan yang panjang dan jelas serta ianya berdaya tahan.**
- 6. Projek yang dicalonkan pernah memperolehi anugerah sama ada di dalam Negara mahupun di luar Negara ATAU projek yang berinovasi adalah satu kelebihan.**